

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
(LEMBAH PANTAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan mengatasi krisis pencen yang akan bakal melanda negara ini, berikutan data KWSP yang menunjukkan, 80% pekerja yang akan meningkat usia 55 tahun pada tahun ini tidak akan mempunyai cukup simpanan untuk hidup di atas garis kemiskinan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang menyediakan simpanan persaraan kepada ahli sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan simpanan persaraan mencukupi bagi menampung tempoh persaraan yang semakin panjang, kesan daripada peningkatan jangka hayat rakyat Malaysia.

Bagi membantu ahli meningkatkan simpanan persaraan, KWSP menambahbaik Skim KWSP seperti berikut :-

1. Memperkenalkan Pengeluaran Umur 55 Tahun yang lebih fleksibel di mana ahli boleh memilih bayaran pengeluaran sama ada secara sekaligus, bulanan, sebahagian kombinasi atau dividen tahunan sahaja;
2. Mulai 1 Februari 2008, tempoh tanggungan mencarum (wajib) dilanjutkan daripada umur 55 tahun kepada 75 tahun, jika ahli masih bekerja.
3. Caruman penuh sehingga umur 60 tahun selaras dengan umur persaraan minimum. Sekiranya masih bekerja lagi mulai umur 60 hingga 75 tahun, caruman wajib bagi pekerja dan majikan akan

dikurangkan sebanyak 50%;

4. Meningkatkan peratusan simpanan persaraan dalam Akaun 1 daripada 60% kepada 70%;
5. Memperkenalkan Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) pada tahun 2010 bagi membolehkan golongan yang bekerja sendiri atau mereka yang tiada pendapatan tetap mencarum secara sukarela kepada KWSP. Sebagai insentif, Kerajaan menyumbang 10% daripada caruman tertakluk kepada jumlah caruman maksimum RM120 setahun; dan
6. KWSP telah memperkenalkan *Retirement Advisory Service* (RAS) pada 1 Julai 2014 yang bertujuan memberi khidmat nasihat persaraan kepada ahli dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan kepentingan perancangan persaraan dan kewangan.

Dengan usaha-usaha ini, ia akan dapat membantu ahli meningkatkan simpanan persaraan mereka dan dapat membuat perancangan kewangan dan persediaan persaraan yang baik untuk hari tua mereka kelak.